

## Tanda-tanda Allah di Langit dan di Bumi

Firman Allah Taala di dalam Al-Quran

إِنَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّمُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾ وَفِي خَلْقِكُمْ وَمَا يَبُتُّ مِنْ دَابَّةٍ آيَاتٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٦٣﴾  
وَاحْتَلَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ رِزْقٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ  
آيَاتٌ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٦٤﴾ تِلْكَ آيَاتُ اللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ ۗ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَ اللَّهِ وَآيَاتِهِ  
يُؤْمِنُونَ ﴿٦٥﴾

{Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman. Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian) segala binatang yang dibiakkannya, terdapat juga tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang meyakiniNya. Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran. Itulah ayat-ayat penerangan Allah yang kami bacakan kepadamu (wahai Muhammad) kerana menegakkan kebenaran; maka dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman, sesudah penerangan Allah dan tanda-tanda kekuasaanNya (mereka tidak mahu memahami dan menelitinya)?} [Al-Jaathiah : 3-6]

### Pendahuluan

Jika kita memikirkan sejenak, kita akan dapati bahawa kita adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah dalam keadaan tidak mengetahui apa-apa. Segala pengetahuan berkaitan keduniaan mahupun keagamaan tidak pernah wujud pada diri kita.

Namun Allah telah mengurniakan kita dengan tiga alat untuk mengetahui, mengenal dan belajar. Alat-alat berkenaan adalah: Pendengaran, Penglihatan dan Akal. Firman Allah di dalam Al-Quran:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ لَعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ ﴿١٠٠﴾

{Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.} [An-Nahl : 78]

Melalui 3 alat berkenaan, kita mempelajari bahasa, mengenal segala benda dan mengetahui baik dan buruk. Melalui penggunaan 3 alat berkenaan jugalah kita akan mengenal Pencipta kita dan dari itu ia akan membawa kita bersyukur kepada-Nya.

### Kewajipan Menggunakan Alat-alat Ilmu

Setelah pengurniaan 3 alat bagi memperoleh pengetahuan, Tuhan Yang Maha Agung mewajibkan kita untuk menggunakannya. Telah berulang kali di dalam Al-Quran celaan dan amaran terhadap orang-orang yang mensia-siakan pancaindera mereka dari mengetahui, mengenal dan belajar.

Firman Allah di dalam Al-Quran:

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿١٠﴾

{Dan mereka berkata: "Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka".} [Al-Mulk : 10]

dan Allah berfirman:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ  
بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّ هُمْ أَضْلاً أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

{Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.} [Al-Aa'raf : 179]

### Ke Mana Harus Kita Tujukan Alat-alat Pemerolehan Ilmu Kita?

Di sini kita akan tertanya, bagaimana kita mengenal Allah dengan 3 alat pemerolehan ilmu? Kerana Allah meletakkan hasil pengurniaan 3 alat tadi, moga-moga kita akan bersyukur kepada-Nya. Mensyukuri nikmat-nikmat-Nya hanya akan wujud jika kita mengenali-Nya!

Para Ulama telah merumuskan 3 kaedah bagi seseorang menyedari dan mengenali Allah melalui akalanya sendiri. Kaedah-kaedah berkenaan adalah:

1. Yang tidak wujud tidak boleh mencipta sesuatu.
2. Yang dicipta akan mengenalkan kepada sebahagian sifat penciptanya.
3. Yang tidak miliki tidak boleh memberikan.

Kita akan menumpukan di dalam kertas kerja ini kepada kaedah yang kedua; iaitu sesuatu yang dicipta akan mengenalkan kita kepada sebahagian sifat penciptanya.

### **Segala Yang Wujud di Langit dan di Bumi Adalah Tanda-tanda Allah**

Kita sering mendengar ungkapan ‘ayat Allah’ atau ‘ayat-ayat Allah’ diucapkan oleh manusia, namun sering timbul kekeliruan di sisi orang ramai mengenai apakah yang dimaksudkan dengannya. Ramai yang menyangka maksud ‘ayat’ dalam Bahasa Arab berkenaan adalah sinonim dengan ‘sentence’ dalam Bahasa Inggeris.

Yang sebetulnya di dalam bahasa Arab; perkataan آية [ayat] atau kata gandanya آيات [ayat-ayat] sebenarnya adalah sinonim dengan ‘sign’ di dalam Bahasa Inggeris yang bermaksud tanda. Ia juga kadangkala datang di dalam Al-Quran dengan maksud *bukti, keterangan* dan *mukjizat*.

Pemerhatian menyeluruh di dalam Al-Quran menunjukkan [sepaimana di dalam surah Al-Jaathiah : 3-6 di awal kertas kerja ini], Allah sering merujuk kepada Alam Semesta; apa yang diciptakan oleh-Nya di Langit dan di Bumi sebagai ayat-ayat atau tanda-tanda-Nya.

Lebih dari 22 kali perkataan ‘ayat’ datang di dalam Al-Quran bagi menunjukkan kepada maksud: Alam semesta dan apa yang di dalamnya adalah tanda-tanda yang akan mengenalkan manusia kepada Pencipta yang telah menciptakan mereka dan kekuasaan yang dimiliki-Nya.

### **Pemerhatian Kepada Alam Semesta Akan Mengenalkan Kita Kepada Allah**

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفَلَكَ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ  
وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ  
الرِّيحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

{Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.} [Al-Baqarah : 164]

Dia Taala berfirman:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٦٤﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦٥﴾

{Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (aitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.} [Aali Imran : 190-191]

dan Dia Taala berfirman:

وَكَذَٰلِكَ نُرَىٰ إِبْرَاهِيمَ مَلِكُوتَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَيَكُونُ مِنَ الْمُوقِنِينَ ﴿٧٥﴾

{Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya menjadilah ia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.} [Al-An'aam : 75]

Dia Taala berfirman:

قُلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

{Katakanlah (wahai Muhammad): "Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya).

Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.} [Yunus : 101]

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَنْ يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجْلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾

{Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalamullah Al-Quran) itu mereka mahu beriman?} [Al-Aa'raf : 185]

## Beberapa Contoh Mengenal Allah Melalui Ciptaan-Nya<sup>1</sup>

### Yang Maha Hidup lagi Berterusan

Sesungguhnya makanan yang kita makan, tidak mendengar, tidak melihat, tidak bergerak, tidak tumbuh, tidak bernafas, tidak berkahwin, tidak tidur dan tidak jaga. Apabila makanan memasuki tubuh anda, ia menjadi jisim yang hidup, bersifat dengan ciri-ciri tadi. Begitulah keadaan makanan haiwan, begitulah juga bahan-bahan; air, tanah dan udara yang dimakan oleh tumbuhan, ia tidak tumbuh, tidak berbuah, tidak bernafas dan tidak makan. Apabila ia masuk jisim tumbuhan, ia akan bertukar kepada tumbuhan-tumbuhan yang hidup, mempunyai keindahan. Nyawa ini, yang merayap di dalam setiap jisim; tumbuhan atau haiwan atau manusia, pada setiap hari, di setiap ketika, menyaksikan bahawa ia adalah dari ciptaan Pengurnia nyawa.

Manusia telah cuba untuk mencipta nyawa, lalu ia berlalu dengan kegagalan yang parah; para pengkaji di Timur dan Barat telah mengisytiharkan kelemahan mereka dari mencipta nyawa. Benarlah Allah yang berfirman: {*Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya). Mereka itu tidak menghormati Allah menurut penghormatan yang selayaknya; sesungguhnya Allah adalah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.*} [Al-Hajj : 73-74]. Benar! Manusia lemah daripada mengembalikan sesuatu yang diambil oleh lalat. Kerana ia, sebaik sahaja ia mengambil, ia akan menuangkan kepadanya air liur, lalu ia akan menukarkannya dengan segera kepada bahan lain yang tidak berguna pengembaliannya.

<sup>1</sup> Bahagian ini dipetik dari buku *Al-Iman* karangan Syeikh Abdul Majid bin Aziz Az-Zindani.

Sesungguhnya nyawa yang telah dikurniakan dan sedang dikurniakan secara berterusan pada benda-benda bernyawa, tidak terjadi melainkan dari Yang Maha Hidup Berterusan -سبحانه-.

Setiap nyawa diancam oleh kematian apabila datang penyebab-penyebabnya, tetapi Pencipta segala sebab tidak dimudharatkan oleh sebab-sebab itu. Dia adalah Yang Maha Hidup Berterusan yang tidak akan mati. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Dialah sahaja yang memiliki langit dan bumi; Dia menghidupkan dan mematikan; dan Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.}* [Al-Hadid : 2], Tuhan Yang Maha Suci berfirman: *{Dan berserahlah engkau kepada Allah Tuhan Yang Hidup, yang tidak mati;}* [Al-Furqan : 58].

### **Yang Maha Mengetahui**

Apabila anda perhatikan janin-janin haiwan, anda akan melihat bahawa mata telah dijadikan di dalam rahim para ibu, di mana wujudnya kegelapan yang melampau, sedangkan mata tidak melihat melainkan di dalam terang. Itu menyaksikan; bahawa yang menciptakan mata mengetahui janin-janin tersebut akan keluar ke alam yang ada cahaya. Begitulah penciptaan janin-janin burung di dalam telur menyaksikan; bahawa Yang Menjadikan mengetahui ia akan terbang di udara, lalu Dia jadikan untuknya sayap sebelum ia menetas. Demikianlah semua makhluk, anda melihat kejadiannya ketika ia janin, telah disediakan dengan apa yang menepati suasana kehidupan yang ia akan hidup di dalamnya. Sehingga janin pokok (biji benih) dipersiapkan oleh Allah dengan bahagian yang akan membentuk daun dan dahan, serta bahagian yang akan masuk ke dalam bumi untuk menyedut air dan tanah (garam galian). Itu tidak berlaku melainkan dari ciptaan Yang mengetahui bahawa tumbuhan akan memerlukan kepada air, tanah, cahaya dan udara.

Apabila anda lihat spesies-spesies jantan dijadikan, anda akan melihat bahawa Pencipta telah mengetahui bilangannya, lalu Dia menjadikan untuknya spesies-spesies betina yang mencukupi untuk membina keluarga. Ia akan menyaksikan kepada anda bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Maha Mengetahui -سبحانه-. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu dan mengingat}* [Ad-Dzariyat : 49].

Air yang tawar sekiranya tidak mengalir, ia akan membusuk. Namun Yang Mengetahui tentang perkara tersebut, telah menjadikan lautan masin, dan Dia menjadikan ombaknya bergerak-gerak, supaya tidak rosak hidupan di Bumi dengan kebusukan laut.

Ini dan setiap apa di Alam Semesta menyaksikan: bahawa Pencipta Alam ini tidak syak lagi tahu apa yang Dia cipta, -سبحانه-, dan Dialah yang berfirman: *{Tidakkah Yang menciptakan itu mengetahui (segalanya)? Sedang Dia Maha Halus, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!}* [Al-Mulk : 14]. Ilmu Allah meliputi setiap sesuatu, ia tidak didahului kejahilan dan tidak masuk kepadanya kelupaan. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Supaya kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu, dan bahawa sesungguhnya Allah tetap meliputi akan tiap-tiap sesuatu dari segi pengetahuan.}* [At-Talaq : 12].

### Yang Maha Bijaksana

Apabila anda perhatikan rupa wajah makhluk-makhluk, anda dapati bahawa setiap spesies telah ditetapkan oleh Pencipta -سبحانه- di atas bentuk yang satu. Pada manusia: dua mata di wajah, hidung di antaranya, dua tangan di tepi, dua kaki di bawah. Anda tidak akan dapati mata, tumbuh untuk manusia pada lututnya, atau tangan muncul pada kepalanya. Ini menyaksikan bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Maha Bijaksana, yang menetapkan penciptaan manusia. Begitulah setiap spesies haiwan atau tumbuhan, Tuhannya telah menetapkannya di atas rupa dan bentuk yang satu.

Siapakah yang menetapkan rupa ini, jika bukan Yang berfirman: *{Dialah yang membentuk rupa kamu dalam rahim sebagaimana yang Dia kehendaki. Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.}* [Aali Imran : 6].

Apabila anda perhatikan pada udara yang anda nafaskan, anda akan dapati bahawa anda menggunakan udara yang elok (oksigen) dan menukarnya kepada udara yang rosak (karbon dioksida). Tetapi kadar udara yang elok tidak berkurangan, kerana Pencipta, telah menjadikan tumbuhan, menggantikan udara yang elok, dengan kadar yang tepat; dengan sekira-kira kekal nisbah udara tersebut pada kadar yang tertentu, tidak lebih dan tidak kurang. Tidakkah itu menyaksikan; bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana?!

Apabila anda memandang kepada hidung anda, anda dapati ia telah diperhalusi untuk sesuai dengan tugasnya. Udara masuk dari dua lubang di antara dua mata, tetapi Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana telah menutup dua lubang ini dengan hidung, dan Dia jadikan bahagian atas hidung sebagai tulang, supaya angin tidak menekan penutup ini, lantas menyekat dua lubang tersebut, dan akan terhalang pernafasan. Tulang hidung juga turut serta melindungi dua mata dan bukaan hidung secara berterusan untuk kemasukan udara. Bahagian bawah hidung adalah dari tulang rawan, kerana jika hidung seluruhnya terbentuk daripada tulang keras, nescaya kita tidak boleh mengeluarkan hingus.

Pencipta menjadikan dinding hidung condong agar udara bertembung dengan dinding yang condong itu, lalu ia menolaknya ke penapis-penapis dalaman, agar bertembung dengannya. Udara yang masuk akan menyentuh hingus yang tersimpan pada dinding hidung, lalu kuman dan debu akan terlekat padanya, dan udara tersebut akan menjadi bersih sebelum ia masuk .. Pada musim sejuk, darah akan berhimpun pada hidung, oleh itu, anda melihatnya kemerah-merahan dan itu adalah untuk memanaskan udara yang masuk. Pada musim panas pula, hidung akan melakukan pelembapan dan penyejukan udara yang kering atau panas.

Tidakkah itu menyaksikan bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana?!

Demikianlah: Jika kita perhatikan pada setiap benda di Bumi dan di Langit, kita pasti dapati ia telah dicipta dengan sehabis-habis teliti. Ketelitian pada semua benda menyaksikan kepada setiap yang berakal, ia adalah dari ciptaan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui -سبحانه-. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Dan Dialah jua Tuhan yang di langit, dan Dialah Tuhan yang di bumi; dan Dialah jua Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.}* [Az-Zukhruf : 84].

### **Yang Maha Luas Pengetahuan**

Perhatikan makanan anda; bagaimana keluar dari tanah dan air yang sama, spesies-spesies yang berlainan buah dan warna: anda akan dapati itu menyaksikan kepada anda, ia berada pada sehabis-habis ketelitian. Perhatikan makanan ini; bagaimana Yang Maha Luas Pengetahuan -سبحانه- membentuk daripadanya daging, darah, tulang, lemak, susu, kulit, bulu, jari-jemari, kuku-kuku, saraf-saraf dan cecair-cecair yang pelbagai.

Perhatikan wajah anda; bagaimana keluar air liur daripada mulut, hingus daripada hidung, air mata daripada dua mata dan lilin daripada dua telinga. Semua rembesan-rembesan ini adalah dari makanan yang sama!! Kejadiannya menyaksikan kepada anda, ia adalah dari ciptaan Yang Maha Luas Pengetahuan.

Bagaimanakah keadaannya jika air liur keluar daripada hidung? Hingus daripada mata? Air mata daripada telinga? Siapakah yang menentukan susunan-susunan ini? Siapakah yang menetapkan tempat tersebut? Bukankah dia Yang Maha Mengetahui lagi Maha Luas Pengetahuan lagi Bijaksana?

Gamet yang manusia dijadikan daripadanya; dijadikan oleh Yang Maha Luas Pengetahuan lagi Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana beberapa bahagian yang berbeza, anggota-anggota yang teratur, saling bantu-membantu untuk berkhidmat kepada manusia.

Ikan di dalam laut, perlukan kepada udara untuk bernafas. Oleh itu, Yang Maha Luas Pengetahuan lagi Maha Penyayang melarutkan untuknya udara, berserta titisan hujan yang turun ke laut. Dia menyiapkan ikan dengan sistem khas (insang) untuk ia saring dengannya udara yang larut di dalam air.

Apabila anda memikirkan dan menumpukan perhatian, anda dapati setiap benda di Alam Semesta, telah dicipta dengan kemahiran yang tinggi. Ia menyaksikan kepada anda bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Maha Luas Pengetahuan -سبحانه-.

### **Yang Maha Memberi Rezqi**

Ketika mana insan terkurung di dalam kegelapan-kegelapan rahim, manusia tidak mampu untuk membekalkannya dengan apa-apa; air ataupun makanan, sekalipun si bapa, juga si ibu yang ia terbentuk di dalamnya. Akan tetapi rahmat Tuhannya yang Maha Memberi Rezqi, membawakan kepadanya rezqi, siap lagi terhadap, melalui satu saluran iaitu tali pusat. Apabila anak tersebut keluar dan tali pusat itu terputus, Yang Maha Memberi Rezqi akan mengeluarkan makanan anak yang baru lahir itu dari lambung susu ibunya, dan mengilhamkannya mengeluarkan makanan tersebut (susu) dengan menghisap lambung susu berkenaan, sedangkan dia belum melihat, belum mendengar dan belum berakal.

Kemudian Allah akan merezeqikan para hamba dari tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok, yang membuat makanan daripada air, tanah dan udara. Allah mempergunakan matahari untuk tumbuhan bagi penyempurnaan pembuatan makanan yang diperlukan oleh manusia dan haiwan. Makanan tidak akan melimpah ruah jika Allah tidak mendatangkan air yang tawar, menyediakan tanah yang baik untuk tanaman, mewujudkan udara dan suasana yang sesuai untuk penghasilan makanan daripada tumbuh-tumbuhan. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Hendaklah manusia perhatikan kepada makanannya:*



*Sesungguhnya kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan. Kemudian kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan, - Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian, dan buah anggur serta sayur-sayuran, dan Zaitun serta pohon-pohon kurma, dan taman-taman yang menghijau subur, dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput, - Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu.}* [Abasa : 24-32].

Apabila manusia atau haiwan memakan makanan, dan sempurna penghadamannya oleh sistem penghadaman yang diciptakan oleh Allah untuk setiap hidupan, Yang Maha Memberi Rezqi akan membawanya kepada setiap titik dalam jisim hidupan bernyawa; sama ada di tengah otak, atau pada permukaan kulit, atau sum-sum tulang .. benarlah Allah yang berfirman: *{Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Dia menahan rezeki-Nya? Bahkan mereka kekal terus<sup>2</sup> dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (dari kebenaran).}* [Al-Mulk : 21].

Sesungguhnya Yang Maha Memberi Rezqi -سبحانه-, telah menanggung rezqi-rezqi, lalu Dia bawakan rezqi sebahagian ikan ke dalam dasar-dasar laut, Dia bawakan rezqi sebahagian ulat ke dalam batu, Dia bawakan rezqi janin ke dalam kegelapan-kegelapan rahim, dan Dia bawakan rezqi janin tumbuhan ke dalam biji benih .. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata.}* [Hud : 6] dan Dia berfirman: *{Wahai umat manusia, kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakanNya kepada kamu; tidak ada sama sekali yang menciptakan sesuatu selain daripada Allah; ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan?}* [Fathir : 3]. Sesiapa yang meyakini bahawa rezqinya dikurniakan kepadanya dari Penciptanya, maka tidak sekali-kali akan mampu sesiapa untuk merampas rezqinya daripadanya, serta dia tidak akan bimbang terhadap rezqinya, sesiapaupun selain Allah.

### **Yang Maha Memberi Petunjuk**

Apabila anda perhatikan bulu kelopak mata yang atas pada mata; anda dapati ia condong ke atas, dan bulu kelopak mata yang bawah condong ke bawah, dan jika terbalik perkara tersebut, nescaya penglihatan mata akan terganggu .. Siapakah yang telah memandu dan akan memandu setiap bulu pada setiap kelopak, pada manusia ataupun haiwan, jika bukan Yang Maha Memberi Petunjuk -سبحانه-?!

Siapakah yang memandu gigi-gigi rahang yang bawah supaya menuju ke atas, dan gigi-gigi rahang yang atas supaya menuju ke bawah?! Siapakah yang mengarahkan taring untuk tumbuh di atas taring?! Gigi di atas gigi?! Geraham (pengisar) di atas geraham?

Siapa? Jika bukan Yang Maha Memberi Petunjuk *{Yang telah menciptakan serta menyempurnakan kejadian; dan Yang telah menentukan serta memberikan hidayah petunjuk;}* [Al-Aa'la : 2-3]. Siapakah yang memandu setiap anggota pada jisim tumbuhan atau haiwan atau manusia sehingga ia mengambil kedudukannya yang betul, di tengah-tengah semua anggota, dan ia tumbuh dengan kadar yang sesuai dengan bahagian-bahagian yang lain?!

---

<sup>2</sup> Berterusan : Berpanjangan di dalam kesombongan dan kedegilan.

## *Seminar Mengenal Allah*

Siapakah yang memandu benih (biji) sewaktu ia membelah tanah ketika pertumbuhannya; agar melepaskan akar-akar (umbi) ke bawah, serta batang dan daun-daun ke atas?! Mengapa kita tidak dapati satu benih pun yang terbalik keadaan tersebut padanya?!

Tidakkah itu semua menyaksikan kepada setiap yang berakal; bahawa ia itu adalah dari ciptaan Yang Maha Memberi Petunjuk -سبحانه-?

Siapakah yang memandu daun-daun pokok untuk terbahagi pada batang atau dahan? Apabila daun yang pertama keluar dari satu arah, yang kedua akan keluar dari arah yang lain!

Siapakah yang memandu matahari, bulan dan bintang-bintang pada pergerakan-pergerakannya, serta memandu burung-burung yang berhijrah ke negeri-negerinya yang jauh?!

Bukankah Dia yang Maha Memberi Petunjuk: *{Yang telah menciptakan serta menyempurnakan kejadian; dan Yang telah menentukan serta memberikan hidayah petunjuk;}* [Al-Aa'la : 2-3] yang memandu bulu, benih dan daun. Dia sempurnakan petunjuk-Nya untuk manusia, lalu Dia utuskan kepadanya para utusan dan Dia jelaskan kepadanya petunjuk.

Sesiapa yang meyakini bahawa Allahlah yang Memberi Petunjuk lagi Bijaksana, tidak sekali-kali akan menerima apa-apa ideologi yang bertentangan petunjuk Allah. Syiarnya adalah firman Allah Taala: *{Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk,"}* [Al-An'aam : 71].

### **Yang Maha Memelihara**

Sesungguhnya [Tuhan] yang memelihara anda dari mara bahaya sewaktu anda terbentuk di dalam perut ibu anda, Dialah yang memelihara otak yang lembik dengan sangkar yang kuat dari tulang-tulang tengkorak. Dia melindungi mata dengan tulang kening, tulang hidung dan tulang pipi, serta Dia melindungi dua paru-paru dengan rangka dada.

Dialah yang tidak menanggungkan anda untuk memasukkan udara ke dalam tubuh anda atau mengeluarkannya di dalam tidur mahupun di dalam jaga. Jika Dia menanggungkan anda perkara tersebut, nescaya anda tidak akan boleh melakukan apa-apa, selain memasukkan udara dan mengeluarkannya. Jika anda dikuasai oleh tidur, terputuslah udara daripada anda dan anda akan didatangi oleh kematian.

Sesungguhnya Yang Maha Memelihara; Dialah yang membawakan awan-awan di atas kepala anda. Dia tidak menurunkannya sebagai banjir yang melimpah, lalu memusnahkan tanaman dan keturunan.

Sesungguhnya Yang Maha Memelihara -سبحانه-; Dialah yang membenteng Bumi dengan lapisan udara yang menghalang sinaran-sinaran angkasa berbahaya yang datang dari Matahari dan bintang-bintang, daripada memusnahkan nyawa dan hidupan-hidupan. Dialah yang menjadikan lapisan udara sebagai perisai yang melindungi daripada dimusnahkan oleh tahi bintang dan meteor-meteor yang jatuh ke Bumi

dengan jumlah berjuta, pada setiap siang dan malam. Dialah yang meneguhkan Bumi daripada tergelincir di bawah tapak kaki kita dengan gunung-gunung yang memasak!!

Tidakkah kita akan bersyukur kepada Maula سبحانه; kerana memelihara kita dari dalam kita, dari atas kita dan dari bawah kita? Benarlah Allah yang berfirman: *{Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti<sup>3</sup> dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah.}* [Ar-Raa'd : 11].

Sesiapa yang meyakini bahawa Allahlah pemeliharanya, tidak akan memudharatkannya sesiapa yang di Langit dan Bumi melainkan dengan apa yang ditentukan oleh Allah untuknya. Syiarnya adalah firman Allah: *{Katakanlah: "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami."}* [At-Taubah : 51].

### Sifat-sifat Lain

Apabila anda perhatikan makanan yang satu, dimakan oleh sesebuah keluarga; ia membentuk di dalam tubuh lelaki, lelaki, di dalam tubuh wanita, wanita, di dalam tubuh kanak-kanak, kanak-kanak .. Apabila ia dimakan oleh kucing, ia bertukar menjadi tubuh kucing, dan jika ia dimakan oleh tikus atau anjing, ia akan menjadi tikus atau anjing, walaupun ia adalah makanan yang sama. Maha Suci Pembentuk Rupa yang membentuk sebagaimana yang Dia inginkan.

Apabila anda perhatikan kepada kasih ibu dan belasnya terhadap anaknya; tak kira sama ada ia adalah wanita ataupun yang betina daripada haiwan, anda dapati pengorbanan yang maksimum zahir kepada anda. Seheinggakan ayam betina yang takut kepada suara kanak-kanak, akan mengembang dan menyerang sesiapa yang inginkan keburukan terhadap anak-anaknya.

Belas kasihan yang dilindungi dengannya anak-anak sekalian makhluk itu, menyaksikan bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Apabila anda perhatikan sebesar-besar makhluk; seperti bintang-bintang yang ianya lebih besar daripada Bumi kita berjuta-juta kali ganda, dan anda perhatikan sehalus-halus makhluk yang berjuta daripadanya boleh terkumpul di dalam setitis air, dan anda tanyakan diri anda: Bagaimana semua makhluk-makhluk ini tunduk kepada kawalan yang sama dan sistem yang rapi lagi teliti?! Ketika itu anda akan dapati jawapan: Bahawa ini adalah daripada ciptaan Yang Maha Kuat lagi Maha Menguasai - سبحانه -وتعالى.

### Yang Satu lagi Tunggal

Kewujudan ini seluruhnya mengemukakan penyaksian bahawa ia adalah dari ciptaan Yang Satu lagi Tunggal.

Anda melihat makanan anda; bergantung kepada proses perut dan usus, pakar-pakar perubatan berkata: proses usus bergantung kepada proses darah. Kitaran darah bergantung kepada udara dan gerakan pernafasan. Udara yang elok untuk pernafasan bergantung kepada proses tumbuh-tumbuhan.

<sup>3</sup> Muaqqibaat : Malaikat-malaikat yang silih berganti untuk menjaganya siang dan malam.

Proses tumbuh-tumbuhan bergantung kepada kewujudan Matahari. Kewujudan Matahari bergantung kepada kewujudan planet-planet yang mengelilinginya dan bintang-bintang yang lain .. begitulah kita dapati bahawa setiap benda bergantung untuk kewujudan dan prosesnya kepada benda-benda lain seperti yang kita lihat; bahawa perut berkait dengan bintang-bintang di Langit, dan itu menyaksikan bahawa kesemuanya adalah dari ciptaan Tuhan Yang Satu. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Allah tidak sekali-kali mempunyai anak, dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersama-Nya; (kalaulah ada banyak tuhan) tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan bersendirian, dan tentulah setengahnya akan bertindak mengalahkan setengahnya yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan oleh mereka itu.}* [Al-Mu'minin : 91] dan Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Katakanlah: "Dialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Dia tiada beranak, dan Dia pula tidak diperanakkan;"} [Al-Ikhlâs : 1-3].*

Jika di sana terdapat tuhan-tuhan lain selain Allah, nescaya akan berlaku pertembungan di antara mereka bagi menggerakkan makhluk-makhluk ini, dan pada ketika itu, akan melata kerosakan di Bumi dan di Langit. Tuhan Yang Maha Agung berfirman: *{Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.}* [Al-Anbiya : 22].

### **Siapakah pemilik sifat-sifat ini?**

Kita telah lihat daripada apa yang telah lalu, apabila kita berfikir tentang Alam Semesta dan makhluk-makhluk di sekeliling kita; kita dapati bahawa setiap sesuatu menyaksikan bahawa pencipta makhluk-makhluk ini adalah: Yang Mencipta, Yang Hidup, Yang Berterusan, Yang Mengetahui, Yang Luas Pengetahuan, Yang Memberi Rezqi, Yang Memberi Petunjuk, Yang Memelihara, Yang Membentuk Rupa, Yang Penyayang, Yang Kuat, Yang Berkuasa, Yang Menguasai, Yang Satu, Yang Tunggal.

Sebagaimana Alam Semesta seluruhnya menyaksikan penyaksian-penyaksian ini, sesungguhnya seorang Muslim menyaksikan bersama-sama Alam Semesta seluruhnya dan mengulang penyaksian ini dengan pengetahuan dan keyakinan, lantas dia berkata: Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah.

### **Keperluan Tambahan Kepada Wahyu**

Dari perbincangan dan contoh-contoh yang kita bentangkan tadi, jelas bahawa pemerhatian kepada tanda-tanda Allah di Langit dan di Bumi akan mengenalkan kita kepada Pencipta berserta sifat-sifat-Nya yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Kita akan berjaya menetapkan pendirian kita bahawa Tuhan yang wajib dan layak disembah hanya Dia dan tidak yang lain.

Namun ini cuma merangkumi separuh dari pengenalan terhadap Allah Yang Maha Berkuasa. Kerana sebagaimana kita tidak mengetahui orang yang menjahit pakaian kita (jika kita beli siap di pasar), adakah dia lelaki atau wanita? Adakah dia gemuk atau kurus? Adakah dia berkulit cerah atau gelap? Apakah makanan kegemarannya? Apakah minuman kesukaannya? Apakah warna kegemarannya? Apakah

benda yang dia suka? Apakah benda yang dia benci?... Begitulah kita tidak tahu sifat-sifat lain milik Allah yang tidak dapat difahami hanya dengan memerhati dan memikirkan ciptaan-Nya.

Di sinilah munculnya tugas para Rasul -عليهم الصلاة والسلام- yang akan mengenalkan manusia kepada Pencipta mereka, di samping mengenalkan mereka kepada asal kejadian mereka, matlamat penciptaan mereka, ke mana pengakhiran selepas kehidupan Dunia ini. Mereka juga untuk mengenalkan manusia kepada perkara-perkara yang disukai dan diredhai oleh Allah agar mereka lakukan dan amalkan, serta kepada perkara-perkara yang dibenci dan dimurkai-Nya agar mereka jauhi dan tinggalkan.

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن

كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٣٠﴾ وَآخَرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا بِهِمْ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٣١﴾

{Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. Dan juga (telah mengutuskan Nabi Muhammad kepada) orang-orang yang lain dari mereka, yang masih belum (datang lagi dan tetap akan datang) menghubungi mereka; dan (ingatlah), Allah jualah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.} [Al-Jumu'ah : 2-3]

Allah telah menjanjikan di dalam Al-Quran (yang juga merupakan sumber yang mengenalkan manusia kepada Diri-Nya), bahawa Dia akan menzahirkan bukti-bukti kebenaran Al-Quran itu sendiri pada tanda-tanda-Nya yang dibentangkan oleh-Nya di Langit dan di Bumi. Dia Yang Maha Tinggi berfirman:

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

{Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?} [Fussilat : 53]

## **Kesimpulan**

Maka manusia yang memerhati dan membandingkan di antara kedua-dua ayat Allah; ayat-ayat yang di Alam Semesta dan ayat-ayat di dalam Al-Quran pasti akan menemui jawapan, yang akan mengenalkan mereka dengan Pencipta mereka Yang Maha Mulia lagi Maha Agung.

Lantas mereka akan menyembah Allah dan mentaati Rasulullah di atas keterangan dan kejelasan, tanpa sebarang kekeliruan dan kebatilan.

## Rujukan:

1. Al-Quran Terjemahan Pimpinan Ar-Rahman
2. *Al-Iman* oleh Syeikh Abdul Majid Az-Zindani
3. *Kitab Allah fi Ei'jazih Yatajalla* oleh Dr. Ghassan Hamdun
4. *Islam Yutahadda* oleh Wahiduddin Khan

Adli Mohd Saad  
Yayasan Taalim  
Taman Tun Dr. Ismail  
Jumaat 15 Jamadilawal 1431 bersamaan 30 April 2010

